

16/07/2001

Peniaga bahan lucah berani (HL)

ugiah; Zaharah Manan; Nor Azizah Talata

KUALA LUMPUR, Ahad - Peniaga bahan lucah, terutama cakera padat video (VCD) dan digital (DVD) semakin berani menjual bahan itu secara terbuka, termasuk pada siang hari.

Tinjauan Berita Harian di seluruh negara mendapati bahan itu juga mudah dibeli pelajar pada harga murah.

Malah, di Kuantan, sebuah kedai buku berhampiran sebuah sekolah menengah di Air Putih, dikesan menjual buku, majalah dan komik lucah yang disimpan dalam kotak tertentu.

Ketua Penguatkuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN) Cawangan Zon Timur, Tengku Nasaruddin Tengku Ahmad, berkata pihaknya merampas 130 buku, majalah dan komik lucah dalam serbuan di kedai itu, baru-baru ini.

"Ada juga buku yang dipamerkan mengandungi gambar lucah untuk menarik pembeli," katanya.

Beliau berkata, pengusaha kedai itu dikenakan tindakan mengikut Seksyen 7 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan boleh dipenjarakan tidak lebih tiga tahun atau denda sehingga RM20,000 atau kedua-duanya.

Tinjauan di Jalan Petaling di sini pula mendapati lebih 20 peniaga masih 'bebas' menjual bahan lucah dan kawasan itu menjadi tumpuan golongan berusia antara 15 hingga 30 tahun.

VCD lucah dijual antara RM5 hingga RM10 sekeping manakala DVD berharga antara RM30 hingga RM50. Malah, VCD dan DVD yang didakwa versi Melayu turut dijual dengan tajuk, seperti 'KL Sex', 'Darah Muda', 'Cinta Bara 2' dan 'Permata Hanyut'.

Pembeli hanya perlu menggunakan bahasa isyarat seperti simbol 'X', 'baik punya filem' dan 'new filem'. Wartawan dan jurugambar Berita Harian juga tidak menghadapi sebarang kesukaran untuk membelinya.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan kebimbangannya terhadap pengedaran bahan lucah yang berleluasa hingga murid tadika juga boleh mendapatkannya.

Perdana Menteri yang sedih dengan kejadian jenayah di luar batas kemanusiaan termasuk kes bunuh selepas merogol kanak-kanak dan pelajar sekolah sejak kebelakangan ini, berkata remaja mudah terpengaruh dengan filem lucah kerana bagi golongan itu, perkara berkenaan adalah sesuatu yang misteri dan baru.

Di IPOH, tinjauan di Bazar Bandaraya di Jalan Laksamana, malam tadi juga mendapati sekurang-kurangnya empat peniaga menjual VCD secara terbuka.

Seorang pengunjung bazar berkenaan, Mohd Ramli Ali, 45, berkata pihak berkuasa termasuk polis dan penguatkuasa KDN perlu bertindak tegas membanteras gejala itu yang dikenal pasti menjadi punca keruntuhan akhlak generasi muda.

Selain di bazar berkenaan, sebuah kompleks beli-belah di Jalan Kampar, turut menjadi tumpuan peminat VCD lucah.

Di SEREMBAN, VCD berkenaan dijual di kaki lima bangunan, pasar malam, beberapa pusat beli-belah dan di kawasan pusat bandar.

Biasanya peniaga terbabit meletakkan VCD lucah 'tiga bintang', iaitu tidak lucah sepenuhnya secara terbuka dan hanya mengeluarkan VCD 'lima bintang' atau lucah sepenuhnya selepas diminta pelanggan.

Di NILAI, VCD lucah juga dijual secara terbuka terutama di pasar malam menyebabkan orang ramai hairan seolah-olah peniaga terbabit tidak khuatir dikenakan tindakan.

Bagaimanapun, Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Amiruddin Embi, ketika

dihubungi berkata hampir setiap hari polis menjalankan operasi memeriksa dan merampas VCD lucah.

Di MELAKA, peniaga VCD cetak rompak turut mengambil kesempatan menjual VCD lucah pada harga RM8 satu.

Penolong Pegawai Penguatkuasa KDN Zon Selatan, Ahmad Nasrul Jalaludin, berkata VCD lucah dipercayai diletakkan dalam kotak bawah meja atau kenderaan dan akan dikeluarkan apabila diminta pelanggan.

Katanya, sebanyak 61 VCD lucah pernah dirampas ketika empat peniaga ditahan dalam operasi di kaki lima kedai Malim Jaya, akhir bulan lalu.

Di SARAWAK, bahan lucah dipercayai dibawa dari Semenanjung menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK), Lapangan Terbang Miri (LTM) dan Lapangan Terbang Sibu (LTS), selain sempadan Malaysia/Indonesia dan Pelabuhan Tanjung Manis di Sarikei.

Ketua Unit Penguatkuasa Kawalan Penerbitan, Filem dan Teks Al-Quran KDN cawangan Sarawak, Elias Mat Rabi, berkata, bahan itu dibawa masuk menggunakan perkhidmatan penghantaran atau kiriman seperti kurier.

Bahan itu turut diseludup dari Tebedu di sempadan Malaysia/Indonesia, kira-kira 110 kilometer dari bandar raya Kucing atau Serikin yang terletak kira-kira 70 kilometer dari bandar raya serta lorong tikus atau laluan denai.

Tinjauan di gerai dekat Pasar Entikong, 300 meter dari Tebedu, mendapati peniaga menjual bahan itu secara terbuka.

Di KUCHING, penjualan VCD selalunya dibuat oleh penjaja bergerak yang hanya meletakkannya di atas kotak atau meja di lokasi strategik seperti di Jalan Padungan, Jalan Satok, Pasar Kenyalang, Tabuan Jaya, Pasar Batu Tujuh dan kawasan Sekama.

Sejak Januari hingga Jun tahun ini saja, bahagian berkenaan merampas 180,803 bahan dalam bentuk pita video, VCD dan DVD tidak bersijil dan lucah di seluruh Sarawak, iaitu meningkat hampir enam kali ganda berbanding 30,742 bahan yang dirampas bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Di KOTA BHARU, Timbalan Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Kelantan, Halijah Sendiman, berkata pihaknya mengesan satu kes yang membabitkan penjualan dan pengedaran VCD lucah, bulan lalu.

Katanya, bahan itu dirampas dalam sebuah kedai yang memperoleh bekalan di Kota Bharu.

(END)